

Dr M tidak puas hati

Dasar kerajaan didakwa punca ekonomi negara terjejas

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam terus mengkritik kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan mendakwa dasar kerajaan sekarang menyebabkan ekonomi negara terjejas teruk.

Sambil mengaku beliau tidak puas hati dengan reaksi Abdullah terhadap kritikkannya selama ini, bekas Perdana Menteri itu berkata, rakyat menanggung akibat buruk jika dasar pentadbiran sekarang tidak diubah,

"Ekonomi Sekarang teruk, saya tahu kerana ramai ahli perniagaan Cina amat tidak senang. Malah, ada yang berkata dan saya nyatakan ini kepada Pak Lah (dalam pertemuan kelmarin), bahawa mereka tidak akan mengundi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

"Ada antara mereka mengatakan mereka lebih suka ke China untuk berniaga kerana di sana lebih banyak peluang berbanding Malaysia dan mereka juga dapati tidak mudah berniaga di Malaysia," katanya pada sidang media, di kediamannya di Seri Kembangan, semalam.

Pada sidang media selepas mengadakan pertemuan selama dua jam dengan Abdullah di kediaman rasmi

Perdana Menteri di Putrajaya, kelmarin, Dr Mahathir juga berkata, beliau terus mengkritik pentadbiran Abdullah jika berasakan sesuatu yang dilakukan kerajaan tidak memberi manfaat kepada negara.

Ditanya apakah beliau memberi kata dua kepada Perdana Menteri untuk melepaskan jawatan sekiranya tidak mengubah dasar sekarang, Dr Mahathir berkata, beliau tidak berbuat demikian.

"Kerajaan pernah dikritik sebelum ini. Kerajaan yang sensitif akan ambil kira kritikan itu... ia mungkin dengan cara meletak jawatan atau cara lain seperti berhenti melakukan perkara yang dikritik," katanya.

Ditanya sama ada kritikan terhadap Abdullah sebenarnya tindakan beliau mengajar Abdullah cara mentadbir negara ini, Dr Mahathir berkata: "Mengapa tidak? Jika dia melakukan dengan cara yang salah, dia memusnahkan ekonomi negara ini. Tiada lagi pelaburan langsung asing yang masuk sekarang dan tiada pelaburan tempatan dan mereka yang mahu melabur di negara ini menghadapi banyak masalah.

"Negara tidak dalam keadaan baik. Jika anda mahu percaya negara ini dalam keadaan baik dan menolak apa diperkatakan orang ramai pada akar

umbi, terpulanglah kepada anda,"

Mengenai kenyataan Abdullah bahawa kritikan beliau menjejaskan parti, Dr Mahathir berkata, tindakan Perdana Menteri yang sebenarnya membawa akibat buruk.

"Apa yang beliau buat tidak baik untuk parti. Melainkan anda mengkritikan dan menghentikan apa yang dia lakukan sekarang kita semua akan menanggung akibat buruk." katanya.

Ditanya mengapa beliau bersara dan memilih Abdullah sebagai pengganti jika beliau hanya mengkritiknya kemudian, Dr Mahathir berkata, beliau timbalan yang baik, tetapi berubah apabila mendapat kuasa.

"Ini bukan soal watak beliau atau saya tetapi apa berlaku sekarang. Apa yang berlaku sekarang ialah sesuatu yang saya tidak pernah jangka," katanya.

Ditanya apakah beliau melihat Abdullah sebagai pemimpin yang jujur, Dr Mahathir memberi jawapan yang seolah-olah mempertikaikan integriti Perdana Menteri.

"Saya tidak tahu. Tetapi bagaimana beliau terbabit dalam isu Minyak Untuk Makanan itu. Dia kata dia tidak terbabit, tetapi namanya tercatat sebagai penerima," katanya merujuk program Pertubuhan Bang-

sa-Bangsa Bersatu di Iraq.

Selain ekonomi, Dr Mahathir berkata, kedudukan Malaysia di mata dunia juga merosot akibat hubungan terlalu baik antara Abdullah dan Presiden Amerika, George W Bush.

"Dari segi dasar luar, kita tidak lagi dihormati seperti dulu, terutama negara membangun dan negara Islam," katanya.

Dr Mahathir turut membangkitkan mengenai penubuhan badan kebajikan isteri menteri dan timbalan menteri lain oleh Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood yang persetujuan Abdullah ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri walaupun itu sudah ada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

"Saya tidak selesa kerana isteri menteri sudah ada Bakti (Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri) untuk menjalankan kerja kebajikan.

"Saya berpendapat tidak perlu diadakan satu lagi badan kebajikan kerana satu pun sudah cukup. Jika ada satu lagi kita kena minta wang daripada orang. Tidak elok untuk minta wang daripada orang. Saya tidak berkata apa-apa kerana beliau sudah menubuhkan badan itu," katanya.